

# 19 syarikat pengeluar simen diberi notis

**KPDNHEP keluar notis tujuh hari minta penjelasan harga simen naik**

PUTRAJAYA

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengeluarkan notis kepada 19 buah syarikat pengeluar simen di seluruh negara bagi mendapatkan penjelasan mengenai kenaikan harga bahan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP akan segera mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan 2011 kepada pihak syarikat terbabit dan mereka perlu berikan penjelasan dalam tempoh

tujuh hari.

Jelas beliau, kegagalan pihak syarikat untuk menjawab notis tersebut dalam tempoh ditetapkan akan menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta tersebut.

"Untuk makluman, sebarang keputusan oleh mana-mana syarikat pengeluar simen yang berlesen untuk menaikkan harga simen perlu terlebih dahulu dirujuk dan mendapat kelulusan KPDNHEP.

"Ini telah dinyatakan dalam Syarat-Syarat Khas bagi Pemборong Simen di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan bukan keputusan mutlak syarikat pengeluar simen," kata dia menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Saifuddin, pihaknya masih belum menerima sebarang makluman rasmi daripada syarikat pengeluar simen berkenaan isu kenaikan harga simen itu dan



SAIFUDDIN NASUTION

telah mengarahkan agar mereka segera berbuat demikian.

"Kerajaan menyeru agar sebarang pengumuman yang bersifat sensitif seperti ini dibincangkan dan dirujuk bersama terlebih dahulu agar kepentingan rakyat dan pihak-pihak terlibat akan dilindungi," ujar beliau.

Kelmarin, media melaporkan Kementerian Kewangan akan

mengadakan perbincangan dengan KPDNHEP berhubung isu kenaikan harga simen secara mendadak bermula kelmarin.

Difahamkan isu itu dibangkitkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) yang mengatakan mereka menerima notis kenaikan harga simen sebanyak 40 peratus pada 3 Jun lalu dan ia berkuasa pada 15 Jun dan 1 Julai.

Berdasarkan laporan itu, 85 peratus bekalan simen negara dikuasai oleh sebuah syarikat sahaja dan menjangkakan kenaikan mendadak daripada RM10 kepada RM16 itu akan menyebabkan kenaikan harga rumah terutama rumah mampu milik.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapat pembekal simen di Kuantan, Pahang memaklumkan harga simen dijangka akan meningkat daripada RM14 kepada RM18 bagi satu beg simen.